KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Tinggi
Ministry of Higher Education
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 5051
Faks : 03-8870 6806
Laman Web : www.mohe.gov.my

Ruj. kami: KPT.BKEW(S).400-5/9/13 Jld.3 (37)
Tarikh : 16 Jun 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg.Dato' Seri/Datuk/Datin/ Prof./Tuan/Puan,

ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL: PEMANTAPAN TATA KELOLA PEROLEHAN MELALUI SYARIKAT MILIKAN UNIVERSITI AWAM DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN WP 7.5

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Seri / Datuk / Datin / Prof. / Tuan / Puan sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menyokong usaha Universiti Awam (UA) untuk mengoptimumkan entiti perniagaan (Holding) masing-masing melalui keterlibatan dalam aktiviti ekonomi yang relevan. Walau bagaimanapun, pematuhan kepada prinsip akauntabiliti dan persaingan terbuka dalam perolehan kerajaan tetap menjadi keutamaan.

3. Sehubungan dengan itu, perlu ditegaskan bahawa sebarang cadangan untuk memberikan pendekatan keutamaan (*priority treatment*) atau pengecualian daripada peraturan perolehan Kerajaan sedia ada kepada mana-mana syarikat milikan UA adalah tidak selaras dengan prinsip persaingan terbuka. Secara dasarnya, setiap perolehan hendaklah dilaksanakan berdasarkan tatacara yang berkuat kuasa bagi menjamin akauntabiliti dan nilai faedah terbaik kepada organisasi (selaras perkara 5, Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5).

4. Justeru, bagi tujuan keterlibatan syarikat milikan UA dan pertimbangan pemberian kontrak secara lantikan terus (*direct award*), UA hendaklah mematuhi ketetapan berikut:

(i) Sebarang perolehan yang menggunakan dana dalaman UA (termasuk peruntukan mengurus/pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan) adalah tertakluk kepada **WP 7.5**.

(ii) Merujuk kepada **WP 7.5 perkara 6**, setiap UA diberi autonomi untuk melaksanakan perolehan mengikut tatacara sendiri dengan syarat satu

Standard Operating Procedure (SOP)/Garis Panduan (GP) dalaman yang melibatkan dana Kerajaan Persekutuan serta dana dalaman UA disediakan dan diluluskan oleh **Lembaga Pengarah Universiti (LPU) sebelum dikuatkuasakan sepenuhnya.**

(iii) Walaupun menggunakan SOP/GP dalaman, prinsip asas perolehan iaitu **Nilaian Terbaik (*Best Value for Money*)**, keterbukaan, dan tadbir urus yang baik mestilah dibuktikan dalam dokumen SOP tersebut.

5. Bagi memastikan keseragaman dan pematuhan audit (perkara 6 dan 7 WP 7.5), pihak Bendahari UA diminta untuk:

(i) Menyediakan SOP/GP dalaman yang khusus mengenai perolehan menggunakan dana Kerajaan Persekutuan serta dana dalaman UA, termasuk menetapkan kriteria yang jelas mengenai syarat-syarat lantikan terus atau penglibatan syarikat holding bagi memastikan tiada isu konflik kepentingan dan mematuhi standard tadbir urus yang tinggi.

(ii) Mendapatkan kelulusan LPU secara rasmi ke atas garis panduan/SOP tersebut sebelum dikuatkuasakan.

(iii) Melaksanakan pemantauan berkala bagi memastikan tiada penyalahgunaan kuasa atau konflik kepentingan berlaku dalam pemberian kontrak kepada syarikat berkaitan universiti.

(iv) Memastikan dokumen SOP/GP ini sentiasa dikemas kini dan dijadikan rujukan utama dalam setiap proses perolehan menggunakan dana Kerajaan Persekutuan serta dana dalaman UA bagi mengelakkan sebarang teguran audit di masa hadapan.

(v) Mengemukakan sesalinan SOP/GP dalaman yang telah dimuktamadkan oleh LPU kepada Bahagian Kewangan KPT, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Audit Negara (JAN) dan Bahagian Pengurusan Srategik Badan Berkanun Kementerian Kewangan.

6. Arahan ini bertujuan untuk memperkukuh autonomi UA dalam menguruskan dana Kerajaan Persekutuan dan dana dalaman masing-masing secara berhemah tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas perolehan. Sebarang pengecualian atau kelonggaran kepada Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa (bagi dana kerajaan) adalah **tidak dibenarkan melainkan mendapat kelulusan bertulis daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu**.


7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato' Seri / Datuk / Datin / Prof. / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai demi kecemerlangan tadbir urus kewangan universiti.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK TS. DR. HJ. AMINUDDIN BIN HASSIM)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k:

(i) TKSU(D)

(ii) TKSU(PP)

(iii) SUB(W)

(iv) TSUB(W)P

(v) Ketua Audit Negara

(vi) Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF

ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL: PEMANTAPAN TATA KELOLA PEROLEHAN MELALUI SYARIKAT MILIKAN UNIVERSITI AWAM DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN WP 7.5

SENARAI EDARAN :

BAHAGIAN:

1. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

2. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pembangunan

3. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Hubungan Antarabangsa

4. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan

5. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
   Jabatan Pendidikan Tinggi

ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL: PEMANTAPAN TATA KELOLA PEROLEHAN MELALUI SYARIKAT MILIKAN UNIVERSITI AWAM DI BAWAH PEKELILING PERBENDAHARAAN WP 7.5

SENARAI EDARAN :

BADAN BERKANUN:

1. YBhg. Professor Dato' Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman
   Naib Canselor
   Universiti Malaya
   Aras 9, Bangunan Canseleri
   50603 KUALA LUMPUR

2. YBhg. Professor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed
   Naib Canselor
   Universiti Sains Malaysia
   Aras 6, Bangunan Canselori
   11800 PULAU PINANG

3. YBrs. Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor
   (menjalankan fungsi Naib Canselor)
   Universiti Kebangsaan Malaysia
   Aras 6, Bangunan Canselori
   43600 Bangi
   SELANGOR

4. YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
   Naib Canselor
   Universiti Putra Malaysia
   Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
   43400 Serdang
   SELANGOR

5. YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar
   Rektor
   Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
   Aras 4, Bangunan Muhammad Abdul-Rauf
   53100 KUALA LUMPUR

6. YBrs. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan
   Naib Canselor
   Universiti Utara Malaysia
   Aras 5, Bangunan Canselori
   06010 Sintok
   KEDAH

7. YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor
   Naib Canselor
   Universiti Malaysia Sabah
   Aras 5, Blok Selatan, Bangunan Canselori
   88400 Kota Kinabalu
   SABAH

8. YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md. Shaarani
   Naib Canselor
   Universiti Sains Islam Malaysia
   Pejabat Naib Canselor
   Aras 5, Bangunan Canselori
   Bandar Baru Nilai
   71800 Nilai
   NEGERI SEMBILAN

9. YBrs. Prof. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
   Naib Canselor
   Universiti Malaysia Terengganu
   21030 Kuala Terengganu
   TERENGGANU

10. YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
    Naib Canselor
    Universiti Teknikal Malaysia Melaka
    Hang Tuah Jaya
    76100 Durian Tunggal
    MELAKA

11. YBrs. Prof. Dr. Yatimah binti Alias
    Naib Canselor
    Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
    Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak
    26600 Pekan
    PAHANG

12. YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Zaliman bin Sauli
    Naib Canselor
    Universiti Malaysia Perlis
    Aras 4, Bangunan Canselori
    Kampus Alam UniMAP Pauh Putra
    02600 Arau
    PERLIS

13. YBrs. Prof. Dr. Zuhairah Ariff binti Abd Ghadas
    (menjalankan fungsi Naib Canselor)
    Universiti Sultan Zainal Abidin
    Kampus Gong Badak
    21300 Kuala Terengganu
    TERENGGANU

14. YBrs. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah
    Naib Canselor
    Universiti Malaysia Kelantan
    16300 Bachok
    KELANTAN

15. YBrs. Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim
    Naib Canselor
    Universiti Teknologi Malaysia
    81310 Skudai
    JOHOR

16. YBrs. Prof. Dr. Ahmad Hata Rasit
    Naib Canselor
    Universiti Malaysia Sarawak
    94300, Kota Samarahan
    SARAWAK

17. YBhg. Prof. Dato' Dr Md Amin bin Md Taff
    Naib Canselor
    Universiti Pendidikan Sultan Idris
    35900 Tanjung Malim
    PERAK

18. YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin
    Naib Canselor
    Universiti Teknologi Mara
    40450 Shah Alam
    SELANGOR

19. YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim
    Naib Canselor
    Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
    Persiaran Tun Dr. Ismail,
    86400 Parit Raja
    JOHOR

20. YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Haji Ahmad
    Naib Canselor
    Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
    Sungai Besi, 57000
    KUALA LUMPUR